

KUALA LUMPUR: Pembangunan serta pemerintahan di negara ini dapat berjalan lancar dan baik kerana anggota bersenjata bersikap profesional dalam menjalankan tanggungjawab.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat Malaysia sewajarnya bersyukur kerana anggota polis dan tentera bersikap profesional dalam menjamin keamanan negara.

"Di sesetengah negara, kita dapati pasukan bersenjata seperti tentera atau polis terbabit dalam politik untuk memerintah sehingga menggugat keselamatan ne-

gara.

"Kita sebenarnya bernasib baik kerana semasa kita berjuang mendapatkan kemerdekaan, awal-awal lagi kita pilih pemerintahan berperlembagaan dan rakyat dapat pilih kerajaan yang akan memerintah," katanya dalam ucapan pada Majlis Makan Malam Wira Perdana sempena ulang tahun ke-10 Persatuan Kebajikan Keluarga Bekas Polis dan Tentera Wilayah Persekutuan dan Selangor (Poltera) di Dewan Per-

dana Felda, di sini, malam semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima Anugerah Wira Perdana Negara yang disampaikan Presiden Poltera, Rasol Yunus manakala isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima Anugerah Serikandi Perdana Negara.

Turut hadir, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Yusof

Noor.

Dr Mahathir berkata, ketika memegang jawatan Perdana Menteri dulu, beliau terhutang budi dengan anggota polis dan tentera kerana di samping menjaga keamanan, mereka menjadi kekuatan kerajaan.

"Saya terharu diberi anugerah ini, kerana saya sebenarnya terhutang budi kepada polis dan tentera bagi menjaga keamanan negara.

"Di sesetengah negara yang diperintah tentera, ti-

dak pernah aman. Rakyat tidak senang hati kerana tidak dapat memilih pemerintah mereka sendiri sehingga tercetusnya huru-hara dan kerajaan cuba digulingkan," katanya.

Beliau berkata, di negara ini, rakyat dapat menentukan kerajaan melalui pilihan raya yang dijalankan secara aman dan tersusun.

"Sistem ini berjaya kerana pihak yang memikul senjata bersikap profesional dan tidak mempunyai hasrat lain

selain menjaga keamanan," katanya.

Menurutnya, walaupun Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum dan agama namun keamanan dapat terus dikekalkan kerana semua pihak diberi tempat serta layanan sepatutnya.

Pada majlis itu juga, 10 bekas anggota tentera dan polis menerima Anugerah Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Anugerah Panglima Gagah Berani (PGB).

Anggota bersenjata bersikap profesional: Dr M

Harian Metro - 29/9/2004: 22A Perdana